



**MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR
45000 KUALA SELANGOR**

KENYATAAN TAWARAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk memasuki tender bagi kerja seperti berikut :-


BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KELAS PENDAFTARAN	TARIKH & TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	TARIKH JUALAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP TENDER	HARGA DOKUMEN (+6% GST)
1.	KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN SP 5/1, 5/2, 5/2A, 5/3, 5/4, 5/5, 5/6, 5/7, 5/8, SERI PRISTANA, JALAN SERI ALAM 12 DAN 14, TAMAN SERI ALAM, SAUJANA UTAMA, IJOK, DAERAH KUALA SELANGOR. No.Tender : MDKS T1/2018 No.Fail : 265/8/T1/18-1	Gred G3 Kategori CE Pengkhususan CE 01 & CE 21	TIADA	Mulai 14.5.2018 Hingga 3.6.2018	4.6.2018 (jam 12 t/hari) Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan	RM 159.00

Dokumen Meja Tender boleh disemak di Jabatan Kejuruteraan, Tingkat 1, Majlis Daerah Kuala Selangor pada waktu pejabat, manakala pembelian Dokumen Tender **boleh dibeli secara online melalui laman web <https://tender.selangor.my>** bermula 14 Mei 2018 dengan bayaran seperti yang dinyatakan.

Kontraktor perlu mengemukakan salinan Sijil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB), Sijil Taraf Bumiputra, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan salinan penyata bulanan bank yang terkini (3 bulan) serta salinan resit ASAL pembelian Dokumen Tender bersama-sama Dokumen Tender yang telah lengkap.

*** Penyata Bank mestilah disertakan bagi tawaran kerja Gred Pendaftaran G2 sehingga G7**

Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan No. Tender serta tajuk dan dimasukkan ke dalam Peti Tender yang disediakan oleh Majlis Daerah Kuala Selangor di **Aras Bawah, Majlis Daerah Kuala Selangor sebelum atau pada 4 Jun 2018, jam 12.00 tengahari** seperti tarikh yang dinyatakan. Dokumen yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Pihak Majlis juga tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran.


.....
(Rahilah binti Rahmat A.M.S.)
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Selangor

QS/rt/Akhan sh/040518

Tarikh : // hb. Mei 2018